


Mior appointed our **Jerald Gomez** to be his lawyer. He was the only accused who was successful in getting a discharge amongst all the persons involved in the "Datuk Seri Anwar Ibrahim" trials.

UTUSAN MALAYSIA 4TH JULY 2000



MIOR Abdul Razak diiringi rakannya, Zalia Rohani ketika keluar dari Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur semalam.

Mior Razak dilepas dari tuduhan

KUALA LUMPUR 3 Julai — Pereka fesyen, Mior Abdul Razak Yahya, 32, hari ini dilepas tanpa dibebaskan oleh Mahkamah Sesyen di sini daripada tuduhan membuat keterangan palsu untuk digunakan dalam perbicaraan kes liwat melibatkan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Hakim Akhtar Tahir memutuskan demikian setelah berpendapat kes ini telah tertangguh agak lama sejak tertuduh didakwa pada 23 April tahun lalu.

"Oleh itu saya memutuskan tertuduh dilepas tidak terjumlah kepada dibebaskan daripada tuduhan kerana mahkamah tidak boleh memaksa pendakwa menjalankan kes jika mereka tidak bersedia," katanya.

Beliau memutuskan demikian setelah menolak penangguhan kali keempat yang dipohon oleh Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Mohd Zaki Md. Yasin.

Mior Abdul Razak yang hadir diiringi oleh rakan-rakan dan penjaminnya, Sharul Nidzam Abdul Manaf tidak dapat menahan air mata kegembiraan setelah mendengar keputusan mahkamah.

Dengan perintah itu, pereka fesyen berkenaan boleh mendapatkan semula wang jaminan RM8,000 serta pasport antarabangsanya yang sebelum ini diserahkan kepada mahkamah sebagai syarat jaminan.

Ketika ditemui di luar mahkamah, dia yang kelihatan agak terkejut bagaimanapun bersyukur kerana dapat kembali menjalankan perniagaan seperti biasa.

Mior Abdul Razak sepatutnya dibicarakan hari ini atas tuduhan mereka keterangan palsu melalui Aduan Berkanun pada 8 Februari tahun lalu di pejabat Pesuruhjaya Sumpah, Suite 1.00, Tingkat 6, Wisma Yakin, Jalan Masjid India di sini.

Dalam akuan itu, dia menyatakan perkaataan-perkataan palsu yang tertera pada lampiran 'A' berbunyi: "Saya tidak pernah diliwat oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim sama sekali."

Sebelum itu Mohd. Zaki berhujah, pihaknya terpaksa memohon penangguhan kerana perbicaraan bekas Timbalan Perdana Menteri dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja masih belum selesai.

Ketika ditanya oleh Akhtar, apakah jaminan kes itu akan selesai, beliau menjelaskan, pendakwa baru menerima surat daripada pasukan peguam bela Anwar bahawa mereka tidak akan memfailkan penghujahan bertulis.

Oleh itu Mohd. Zaki menyatakan, pihaknya tiada pilihan selain memohon penangguhan.

Bagaimanapun peguam **Jerald Allen Gomez** yang mewakili Mior Abdul Razak membantah permohonan itu dengan alasan kes itu telah ditangguhkan ke tarikh-tarikh 23 Ogos tahun lalu dan 21 Februari lalu.

Mior Abdul Razak didakwa mengikut Seksyen 193 Kanun Keseksama yang memperuntukkan hukuman maksimum penjara tiga tahun dan denda jika sabit kesalahan.